

Headline	Pembenihan awan dilakukan jika jerebu kembali		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	22 Sep 2015	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	12	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	133 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,629
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,886



## Pembenihan awan dilakukan jika jerebu kembali

**KUALA LUMPUR 21 Sept.** - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi telah mengambil langkah proaktif dengan bersedia sedia untuk melakukan operasi pembenihan awan sekiranya jerebu kembali melanda negara ini dengan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) melebihi 100.

Menterinya, Datuk Madius Tangau berkata, jerebu boleh kembali kerana dijangka bahagian utara Semenanjung akan mengalami angin barat laut, manakala bahagian selatan Semenanjung, Sabah serta Sarawak pula mengalami angin barat daya.

“Perubahan tiupan angin dan kekurangan taburan hujan berke-

mungkinan menyebabkan jerebu kembali pada bila-bila masa pada minggu ini. Dalam hal ini, kementerian sentiasa bersedia menghadapi sebarang kemungkinan termasuk melakukan pembenihan awan sekiranya perlu.



**MADIUS TANGAU**

“Jika bacaan IPU mana-mana kawasan mencatat lebih daripada 100 untuk tiga hari berturutan, maka kita boleh melakukan pembenihan awan,” katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan Kongres Antarabangsa Sains dan Alam Semula Jadi (ISNaC) 2015 di sini hari ini.

Hari ini, jurucakap Jabatan Meteorologi, Dr. Hisham Mohd. Anip dalam akhbar berkata, angin taufan yang berlaku di bahagian

timur Filipina mungkin menarik angin dan membawa jerebu kembali dari Indonesia ke Malaysia.

Katanya, situasi itu juga dijangka berlaku mulai hari ini dan berakhir awal bulan depan bergantung kepada kekuatan ribut taufan terjadi dan juga bilangan pembakaran hutan di Indonesia.

ISNaC 2015 anjuran Persatuan Ahli-Ahli Sains Malaysia (MSA), Persatuan Pencinta Alam Malaysia, Akademi Sains Malaysia (ASM) dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) yang berlangsung selama tiga hari bermula hari ini, menitikberatkan perkembangan saintifik serta perlindungan alam sekitar di negara ini.

Mengulas lanjut, Madius berkata, kementerian akan terus memantau situasi jerebu dari semasa ke semasa dan hanya bertindak melakukan operasi pembenihan awan sekiranya diperlukan.